

Strategi globalisasi perlu pertahan nilai agama



Ufuk
Minda

Bersama

Prof Dr Sidek Baba

PENULIS buku *Sejarah Tuhan dan Muhammad Sang Nabi*, Dr Karen Armstrong, dalam ceramahnya di Kuala Lumpur menyebut Muhammad Abdul pernah berkata dalam lawatannya ke Perancis, "Saya melihat Islam di Perancis walaupun bukan Muslim."

Kenyataan itu amat menarik dalam dialog Barat dan Islamnya. Dr Karen cuba mengambil perspektif agak jernih mengenai isu Islamophobia dan menganggap ada salah faham terhadap Islam kerana faktor lain.

Barat harus melakukan apresiasi terhadap Islam, sejarah dan tamadunya.

Apa yang disebut Dr Karen itu menarik kerana Islam bukan saja suatu sistem kepercayaan yang dilambangkan dengan keyakinan terhadap Allah dan perkara ghaib lain.

Tetapi, Islam adalah cara hidup apabila keindahan Islam itu terlihat pada watak, pemikiran, amalan dan tamadunya.

Suatu ketika dulu pancaran Islam ter-

INTI PATI

Hubungan Timur, Barat

- Ada salah faham terhadap Islam kerana faktor lain. Barat harus melakukan apresiasi terhadap Islam, sejarah dan tamadunya
- Hubungan Barat dan Timur sudah berlaku sejak lama dalam konteks ilmu dan peradaban. Jika tidak ada faedah berbanding dalam tradisi keilmuan Islam
- Barat perlu faham kepelbagaian adalah suatu fitrah apa lagi yang berkaitan dengan tradisi beragama. Beragama adalah suatu perkara yang baik. Memberikan ruang yang kondusif untuk agama berkembang bermakna memberi peluang nilai yang baik subur
- Barat wajar merenung kembali strategi globalisasi dan kebaratan yang menimbulkan ketegangan dengan Islam



Suatu ketika dulu pancaran Islam terlihat dalam peradaban ilmu yang menghasilkan saintis yang tersohor dan mendorong Barat menterjemah ilmu berkenaan dalam bahasa Latin dan Ibrani.

Hubungan Barat dan Timur sudah berlaku sejak lama dalam konteks ilmu dan peradaban.

Jika tidak ada faedah berbanding dalam tradisi keilmuan Islam, mana mungkin Barat menjadikan Andalusia sebagai pusat ilmu dan rujukan dalam ilmu yang menjana peradaban pada waktu itu.

Mahu tidak mahu, Barat perlu mengakui ilmu Islam itu berguna menjana perubahan dan kemajuan ilmu di Barat.

Kitab *Qanun fit Tib* Ibn Sina tidak saja diterjemah ke dalam bahasa Latin tetapi digunakan di universiti di Eropah berabad-abad sebagai sumber rujukan ilmu perubatan. Ini bermakna hubungan Barat dan Islam sudah berlaku lama dulu.

Hal yang sama berlaku apabila Andalusia di bawah Islam. Hubungan penganut agama yang dibawa Nabi Allah Ibrahim berlaku dengan baik.

Orang Kristian dan Yahudi bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing. Kecenderungan untuk memahami dan memberikan apresiasi terhadap kesamaan dan perbezaan adalah asas penting dalam hubungan antara agama.

Pada hari ini, tamadun ilmu berkembang di Barat. Banyak faedah berbanding khususnya dalam bidang sains dan teknologi terdapat di Barat.

Ramai generasi muda Islam belajar di

tan yang menimbulkan ketegangan dengan Islam

Barat mengambil ilmu yang relevan untuk mencetuskan perubahan dalam negara sendiri.

Sudah tentu ilmu itu disesuaikan dengan keperluan negara umat Islam yang berkaitan.

Malaysia umpamanya, menghantar ramai pelajarinya ke seluruh dunia untuk memanfaatkan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang sains dan teknologi bagi maksud menjana kemajuan serta perubahan supaya suatu ketika nanti Malaysia mampu memainkan peranan lebih global.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) cuba melakukan sintesis ilmu supaya proses integrasi dan Islamisasi berlaku dalam acuan ilmu yang sifatnya menyumbang terhadap agama dan kemajuan.

Apa yang patut Barat fahami ialah kepelbagaian adalah suatu fitrah apa lagi yang berkaitan dengan tradisi beragama. Beragama adalah suatu perkara yang baik.

Memberikan ruang yang kondusif untuk agama berkembang bermakna memberi peluang nilai yang baik subur.

Krisis manusia hari ini ialah krisis kemanusiaan. Dalam usaha memajukan sesuatu pertimbangan, nilai dan etika dilupakan.

Manusia lebih senang memikirkan ba-

BERI HUJAH: Dr Karen ketika menyampaikan ceramah pada Inter-Civilisation of Engagement Programme di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

gaimana faedah kebendaan dapat digandakan, eksploitasi sumber alam berlaku dan menyuburkan kegiatan hedonistik sebagai jalan keluar. Kecenderungan itu pasti merosakkan nilai kemanusiaan seperti sedang berlaku di Barat sekarang.

Lebih-lebih lagi kuasa besar yang memiliki pertumbuhan ekonomi tinggi, kekuatan senjata canggih mempunyai cita-cita politik dan ketenteraan untuk melakukan dominasi dan hegemoni.

Faktor inilah yang banyak membawa pecah-belah, rasa tidak percaya dan syak wasangka terhadap Barat.

Oleh itu lahirnya kecenderungan terorisisme, ekstremisme atau pelampau bukanlah kerana faktor agama itu sendiri tetapi banyak berlaku disebabkan adu domba politik dan ekonomi yang sifatnya ideologikal.

Barat perlu belajar melakukan apresiasi dan kefahaman terhadap perbezaan dan kelainan akibat suburnya kecenderungan beragama di kalangan manusia.

Barat yang terkenal dengan julangan terhadap hak asasi manusia dan prinsip demokrasi tidak harus menjadikan isu memakai tudung sebagai isu.

Feminisme yang berkembang di Barat dan falsafah anarki dalam memahami konteks pasca-modernisme Barat tidak perlu dipaksakan berlaku dalam negara Islam.

Barat hari ini menggunakan mekanisme media cetak dan elektronik melakukan penjajahan kebudayaan terhadap manusia termasuk umat Islam. Ia banyak meninggalkan kesan negatif kepada generasi muda.

Jika objektif melakukan semua itu adalah untuk kemakmuran ekonomi dan pulangan kewangan, bayangkan berapa banyak belanja terpaksa disediakan negara sedang membangun untuk merawat kerosakan sosial dan pemikiran di kalangan generasi mudanya.

Justeru, penting bagi Barat merenung kembali strategi globalisasi dan kebaratan yang banyak menimbulkan ketegangan antara yang mahu mempertahankan nilai agama dengan gerakan yang ingin merosakkan kehidupan beragama.

Mereka percaya dengan memaksakan fahaman sekular dan liberal kepada umat manusia, maka manusia akan mencapai tahap kemajuan yang tinggi.

Apa makna keruntuhan sistem keluarga dan masyarakat, sikap tamak dan amalan rasuah berleluasa, pemujaan kepada benda dan hedonisme berlaku, konflik antara negara berterusan bagi mengisi makna maju dan moden.

Agama memandu manusia supaya mempunyai pedoman, arah pembangunan dan kemajuan berlaku dalam keadaan baik dan amanah